

4

LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Objektif Pembelajaran

Di akhir bab ini, pembaca akan dapat:

- ✓ Mendefinisikan latar belakang perniagaan
 - ✓ Mengenal pasti maklumat-maklumat utama latar belakang perniagaan
 - ✓ Mengkelaskan jenis-jenis perniagaan
 - ✓ Memberi perbezaan antara industri dan jenis perniagaan
-

4.1 PENGERTIAN LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Latar belakang perniagaan turut dikenali sebagai deskripsi perniagaan. Komponen latar belakang perniagaan seringkali disusun selepas ringkasan eksekutif. Di dalam komponen latar belakang perniagaan ini, usahawan akan memperincikan maklumat-maklumat penting berkaitan latar belakang perniagaannya yang boleh didedahkan kepada pembaca rancangan perniagaan. Ia seringkali dianggap sebagai pengenalan kepada perniagaan yang dijalankan usahawan.

4.2 MAKLUMAT-MAKLUMAT UTAMA LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Antara maklumat-maklumat utama latar belakang perniagaan yang ditulis di rancangan perniagaan ialah:

- a. Nama perniagaan (termasuk nombor dan tarikh pendaftaran)
- b. Alamat perniagaan
- c. Nombor telefon, faks, email dan laman sesawang perniagaan (sekiranya ada)
- d. Tarikh penubuhan dan pelancaran
- e. Jenis perniagaan dan industri
- f. Aktiviti utama perniagaan
- g. Modal permulaan yang diperuntukkan
- h. Maklumat pembiayaan kewangan
 - Iaitu siapa yang membiayai perniagaan usahawan (individu/institusi kewangan atau perbankan)
- i. Nombor akaun

4.3 JENIS PERNIAGAAN

Kebiasaannya, terdapat tiga jenis perniagaan yang diceburi oleh usahawan atau bakal usahawan iaitu:

a. Milikan Tunggal

- Perniagaan ini perlu didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.
- Perniagaan ini dimiliki oleh seorang pemilik sahaja.
- Modal permulaan selalunya kecil.
- Mudah ditubuhkan dan mudah juga dibubarkan.
- Wujud kerahsiaan dalam perniagaan.
- Tiada cukai korporat. Hanya cukai pendapatan individu sahaja dikenakan.
- Tanggungan hutang perniagaan adalah tidak terhad.